

KUALA LUMPUR, 17 FEB. (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN PELABUHAN ADALAH 'NADI DAN NYAWA' NEGARA INI DAN KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN SESIAPAPUN MENJEJASKAN-NYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEBARANG UGUTAN DAN TINDAKAN MENJEJASKANNYA ADALAH PERBUATAN UNTUK MENGHANCURKAN EKONOMI NEGARA SERTA MENYUSAHKAN RAKYAT.

BELIAU BERKATA TINDAKAN YANG MENJEJASKAN PERKHIDMATAN PELABUHAN AKAN MENYEKAT ATAU MELENGAH-LENGAHKAN KEMASUKAN BARANG-BARANG PERLU DAN INI AKAN MENGAKIBATKAN INFLASI DI NEGARA INI.

KATANYA, "TINDAKAN SAPERTI INI ADALAH PERBUATAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMANDANG RINGAN SIKAP SAPERTI INI."

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMERITA SELEPAS MERASMIKAN SIMPOSIUM KEMAJUAN LEBUHRAYA KE- LANGSAAN DAN PEMBANGUNAN MASA DEPAN ANJURAN PERSATUAN KEJURUTERAAN JALANRAYA ASIA DAN AUSTRALIA DI SINI.

--BERSAMBUNG HM 1150

££

B507

MAHATHIR-PELABUHAN 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT TENTANG TINDAKAN KERAJAAN MENEMPATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PASUKAN PERTAHANAN AWAM (LDC) SEBAGAI LANGKAH BERJAGA-JAGA DI PELABUHAN KELANG BERIKUTAN UGUTAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA PELABUHAN UNTUK BERHENTI KERJA.

KESATUAN-KESATUAN TERSEBUT- KESATUAN KAKITANGAN LEMBAGA PELABUHAN (PASU), PERSATUAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOA), KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN (HWU) DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN TAMBAHAN PELABUHAN- TELAH MENGANCAM UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN PERUSAHAAN SEBAGAI MENYOKONG KESATUAN PEKERJA PENERBANGAN (AEU) DALAM PERTIKAIANNYA DENGAN MAS.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBIDAS KESATUAN-KESATUAN ITU YANG BERSIKAP ANGKUH KERANA GABUNGANNYA (AFFILIATION) DENGAN PERSEKUTUAN ANTARABANGSA PEKERJA PENGANGKUTAN (ITWF) "SEHINGGA HENDAK MEN- SABOTAJ EKONOMI NEGARA."

"SIKIT-SIKIT MEREKA HENDAK MENGANCAM DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBIARKANNYA," TEGASNYA.

"KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMPENARKAN MANA-MANA PIHAK DALAM DAN LUAR NEGERI MEROSAKKAN EKONOMI NEGARA INI," KATANYA.

--BERSAMBUNG

MAHATHIR-PELABUHAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UGUTAN KESATUAN-KESATUAN PELABUHAN HENDAK MELANCARKAN TINDAKAN PERUSAHAAN ITU DIAKUI SENDIRI OLEH MEREKA ATAS ARAHAN BADAN ITWF ITU.

"KERAJAAN TAHU KESATUAN-KESATUAN PELABUHAN ITU TELAH MENEMUI WAKIL ASIA ITWF ENCIK DONALD UREN YANG BUKAN SAJA MEMBERI JAMINAN MEROSAKKAN HUBUNGAN DAGANGAN NEGARA TETAPI JUGA MENGGALAKKAN TINDAKAN PERUSAHAAN BERDASARKAN PERPADUAN PEKERJA", KATANYA.

BELIAU BERKATA ITWF ADALAH DIKUASAI OLEH ORANG-ORANG BRITISH DAN "KITA SEDAR TENTANG KESAN-KESAN TERHADAP EKONOMI BRITAIN HASIL DARI TINDAKAN-TINDAKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA NEGARA ITU."

"SEKARANG MEREKA INGIN PULA MEMANJANGKAN KUASA MEREKA ITU DARI NEGARA TERSEBUT KE NEGARA INI.

"SAYA AMAT DUKACITA KERANA ADA RAKYAT NEGARA INI YANG MENYURUH' ORANG PUTIH' TUAN LAMA MEREKA UNTUK MEROSAKKAN NEGARA INI," TEGASNYA.

--BERSAMBUNG HM 1213

EE

1509

MAHATHIR-PELABUHAN 4 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENGGAN MENGHURAIKAN LEBIH LANJUT AMARAN KERAJAAN HENDAK MENGAMBIL TINDAKAN BALAS TERHADAP MANA-MANA NEGERI ATAU BADAN LUAR NEGERI JIKA UGUTAN HENDAK MENGHANCURKAN EKONOMI NEGARA INI DIJALANKAN.

KATANYA: "KITA AKAN BERJUANG MEMPERTAHANKAN NEGARA INI DARI SEBARANG BENTUK PENJAJAHAN DAN UGUTAN ITWF MEN-ERUSI KESATUAN-KESATUAN TEMPATAN ADALAH SATU BENTUK PENJAJAHAN BARU"

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN KERAJAAN MENYOKONG PERGERAKAN KESATUAN SEKARJA DI NEGARA INI SERTA TUNTUTAN GAJI MEREKA TETAPI SEGALA TINDAKAN MEREKA HENDAKLAH DIBUAT SECARA HALAL.

MANA-MANA KESATUAN YANG MENYOKONG TINDAKAN YANG TIDAK HALAL ADALAH TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH BER-SIKAP TOLERANSI TERHADAP MEREKA.

KERAJAAN, TEGASNYA LAGI, JUGA TIDAK MELARANG MANA-MANA KESATUAN BERGABUNG DENGAN MANA-MANA BADAN ANTARABANGSA.

"TETAPI MEREKA HENDAKLAH MENGGUNAKAN KEBEBASAN MEREKA DALAM NEGARA YANG BERDAULAT DAN MEREKA UNTUK MENOLAK MANA-MANA ARAHAN YANG BOLEH MEROSAKKAN NEGARA MEREKA" KATANYA.

—BERSAMBUNG HM 1217

EE

1510

MAHATHIR-PELABUHAN 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI MAS, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU PUASHATI DENGAN PERKHIDMATAN MAS SETAKAT INI SEJAK BEBERAPA PERKHIDMATAN DALAM NEGERINYA DIPULIHKAN BEBERAPA HARI LALU.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK TAHU BILA PERKHIDMATAN ANTARABANGSA DAPAT DIPULIHKAN KERANA INI BERGANTUNG KEPADA PIHAK KEJURUTERAAN MAS SERTA KEADAAN KAKITANGAN MAS.

—BERNAMA HM 1219